

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1985

PERUBAHAN GELARAN JAWATAN PEMUNGUT HARTA HASIL TANAH (COLLECTOR OF LAND REVENUE)

Pindaan Kanun Tanah Negara yang disiarkan mengikut Akta A.587/1984 telah berjalan kuatkuasa mulai 25.3.1985 melalui pewartaan P.U.(B) 145/1985 bertarikh 21.3.1985. Pindaan kali ini merupakan pindaan kepada Kanun Tanah Negara, 1965 yang ke 17 mengandungi 119 fasal yang melibatkan 107 Seksyen daripada Kanun Tanah Negara.

2. Berikutan dengan pindaan Akta A.587/84 beberapa gelaran jawatan di bawah Seksyen 5, Kanun Tanah Negara telah diubah. Gelaran Jawatan Pemungut Hasil Tanah dan Penolong Pemungut Hasil Tanah (Collector of Land Revenue and Assistant Collector of Land Revenue) yang dipakai selama ini semenjak belum Merdeka lagi telah diubah kepada gelaran Pentadbir Tanah Daerah (District Land Administrator) dan Penolong Pentadbir Tanah Daerah (Assistant District Land Administrator). Bagi Negeri Kelantan gelaran jawatan baru ini akan dikenali sebagai :-

Pentadbir Tanah Jajahan, dan

Penolong Pentadbir Tanah Jajahan

masing-masing, mulai daripada tarikh kuatkuasa pindaan.

3. Perubahan gelaran jawatan ini adalah bertujuan untuk mencerminkan tugas dan fungsi pegawai-pegawai di Pejabat Tanah pada masa kini. Mereka tidak lagi semata-mata berfungsi sebagai Pemungut Hasil Tanah, tetapi merangkumi peranan dan tugas-tugas yang lebih luas meliputi bidang-bidang pengurusan dan pentadbir tanah, perancangan dan pembangunan. Adalah didapati gelaran jawatan Pentadbir Tanah ini lebih menepati tugas-tugas dan peranan sebenar yang dijalankan oleh pegawai-pegawai di Pejabat Tanah sekarang ini.
4. Dengan perubahan gelaran jawatan ini, semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan perlulah mengambil langkah mengadakan cop dan mohor bagi gelaran jawatan yang baru ini dan menggunakannya dalam semua urusan rasmi mulai daripada tarikh kuatkuasa pindaan ini.

t.t

(Hj.Ismail Hassan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU.**

BERTARIKH : 26HB. JUN, 1985

FAIL : PTG.KN.112/65 JLD.4/(14)

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

Ketua Jajahan Kecil, Jeli

SALINAN KEPADA :

YB. Setiausaha Kerajaan , Kelantan

YB. Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan

YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan

YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.